

17/04/1997

Usah keliru isu Dermajaya: Aishah

Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Rabu - Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani menjelaskan, Koperasi Dermajaya tidak ada kaitan langsung dengan Yayasan Dermajaya Wanita Bhd, yang diperkatakan sekarang.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai jangan keliru antara Koperasi Dermajaya dengan Yayasan Dermajaya Wanita Bhd, yang dikaitkan dengan siasatan Majlis Tertinggi (MT) terhadap akaun lama Wanita Umno.

Koperasi Dermajaya dikendalikan sepenuhnya mengikut akta koperasi dan berurusan terus dengan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK). Ia tidak ada kaitan dengan Wanita Umno, apa lagi dengan akaun yang didakwa mengalami masalah.

"Koperasi Dermajaya dan Yayasan Dermajaya adalah dua badan berbeza. Jika ada penyelewengan, kena tanya (Datuk Seri) Rafidah (Aziz) atau pengerusi yayasan, Zainab Abu Bakar.

"Cuma secara kebetulan, Penolong Setiausaha Wanita, Habshah Othman pernah menjadi setiausaha koperasi tapi dia juga sudah meletakkan jawatan kira-kira sebulan lalu," katanya ketika dihubungi hari ini.

Sabtu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno mengumumkan, akaun kewangan Wanita Umno di bawah kepimpinan lalu, akan disiasat.

Siasatan yang diketuai Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin itu berikutan aduan Wanita Umno sendiri.

Aishah yang juga bekas Ketua Wanita Umno berkata, Koperasi Dermajaya berjalan lancar dan mengadakan mesyuarat setiap tahun seperti dikehendaki Akta Koperasi 1993.

"Begitu juga dengan akaun, semuanya diuruskan dengan baik, menepati kehendak undang-undang dan selaras dengan tujuan penubuhannya," katanya sambil meminta semua ahli Koperasi Dermajaya bertenang berikutan laporan mengenai siasatan itu yang boleh mengelirukan mereka.

Koperasi Dermajaya yang ditubuhkan pada 1974 kini mempunyai aset kira-kira RM20 juta, termasuk dalam bentuk saham, bangunan dan rumah kedai. Antara pelaburan koperasi itu ialah memiliki saham Hicom Bhd (RM4.5 juta) dan Metrojaya (kira-kira RM1 juta).

Pegangan saham lain ialah Klang Kontena Terminal Bhd, ASN Public Fund, Proton Bhd, Tasek Simen Bhd dan Timah Langat Bhd.

Aishah mengaku Yayasan Dermajaya Wanita Bhd ditubuhkan pada 1971 ketika beliau menjadi Naib Ketua Wanita Umno.

Bagaimanapun, katanya, selepas dipilih sebagai Ketua Wanita Umno pada tahun berikutnya, beliau dinasihatkan oleh Presiden Umno ketika itu, Tun Abd Razak Hussein, supaya tidak meneruskan tanggungjawab menerajui yayasan itu.

"Saya menulis surat kepada Pendaftar Syarikat untuk membatalkan yayasan itu. Saya tidak tahu kenapa Pendaftar Syarikat tidak membatalkan yayasan itu sehingga saya menyedari Rafidah Aziz 'menghidupkan' semula beberapa tahun kemudian," katanya.

(END)